KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	19/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

Utusan 19.11.2021_12

'Lombong emas' Bukit Lata lengang

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

RANTAU PANJANG: Tapak projek tebatan banjir di Bukit Lata, Rantau Panjang yang diserbu orang ramai hujung minggu lalu, kini lengang selepas batuan didakwa mengandungi emas yang dijumpai di situ rupa-rupanya hanya ketulan logam biasa.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar kawasan itu mendapati, tiada lagi kelibat orang awam berkeliaran di situ, kecuali pekerja binaan yang sibuk melakukan kerja-kerja projek tebatan banjir.

Salah seorang pekerja enggan dikenali berkata, selepas ketulan batu ditemukan disahkan bukan emas, 'pelombong' tidak lagi berminat untuk mencerobohi tapak projek.

"Sebelah malam pun sunyi sepi, tiada siapa datang. Lagi pun pihak pengurusan memang tidak benarkan sesiapa yang tidak berkenaan masuk ke kawasan ini," katanya ketika ditemui, namun enggan bercerita lanjut.

Seorang penduduk berhampiran tapak projek, Zizah Abdullah, 53, pula berkata, kawasan rumahnya yang dijadikan tempat letak kereta orang luar kini kembali aman seperti sediakala.

"Kerja-kerja pembinaan projek tebatan banjir pun berjalan seperti biasa dan apa yang saya nampak, kawasan tapak penemuan batu-batu itu telah ditutup kepada orang awam.



BATU dipercayai mengandungi emas ditemukan di Bukit Lata, Rantau Panjang. - UTUSAN/ZULHANIFA SIDEK

"Memang ramai yang kecewa batu yang disangka ada emas rupanya sekadar batu logam biasa," katanya.

Sementara itu, penduduk mahu dikenali sebagai Lie, 40, pula memberitahu, walaupun batu itu disahkan tidak mempunyai kandungan emas, dia tetap menyimpannya sebagai kenang-kenangan.

"Saya simpan batu itu sebab unik dan boleh dijadikan tatapan anak cucu pada masa depan supaya mereka tahu, Bukit Lata memang kaya dengan sumber mineral semula kurniaan tuhan," katanya.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, ketulan batu kononnya mengandungi emas yang dijumpai di Kampung Bukit Lata baru-baru ini rupa-rupanya batu logam biasa yang tidak mempunyai nilai tinggi sebagaimana disangka.

Perkara itu disahkan tukang emas di sekitar pekan ini selepas beberapa penduduk membawanya untuk diuji dan ditentukan nilai, sekali gus menyebabkan mereka pulang dengan tangan kosong.

Difahamkan, kebanyakan penduduk yang memiliki ketulan batu itu sudah membuangnya, malah, ada antara mereka mencampaknya ke dalam Sungai Kelantan kerana terlalu hampa.